TPM belum terima nota mengenai penggantungan Zimbabwe

MAR 2000

KUALA LUMPUR 22 Mac — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau belum menerima sebarang nota daripada Komanwel mengenai penggantungan Zimbabwe daripada badan itu.

"Belum lagi, mungkin ia sudah sampai ke Wisma Putra tetapi saya belum menerimanya," kata Timbalan Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jentera pilihan raya Barisan Nasional bagi pilihan raya kecil Ketari di Menara datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Abdullah menjelaskan, sebaik sahaja Wisma Putra menerima nota berhubung penggantungan Zimbabwe daripada Komanwel, ia akan dikemukakan kepada kabinet atau Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Zimbabwe, sejak setahun lepas telah diperhati oleh Komanwel berhubung penyalahgunaan hak asasi manusia.

Negara itu baru selesai mengadakan pilihan raya Presiden yang diawasi oleh wakil pertubuhan tersebut.

Kebanyakan negara Afrika mengiktiraf pilihan raya presiden dan menganggap ia berlangsung secara bebas dan adil.

Bagaimanapun, negara-negara Barat serta beberapa negara anggota Komanwel mengutuk pilihan raya itu kerana mendakwa Presiden Robert Mugabe telah menyalahgunakan kuasa serta institusi negara untuk 'merampas' kemenangan daripada pencabar beliau, Morgan Tsvangirai.

Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Australia awal bulan ini tidak membuat sebarang syor berhubung tindakan yang perlu diambil terhadap Zimbabwe.

Sebaliknya, ia menyerahkan keputusan berhubung perkara itu kepada Kumpulan Petugas Komanwel yang dianggotai tiga anggota untuk membuat perakuan.

Mereka ialah pengerusi CHOGM sekarang, Perdana Menteri Australia John Howard, pengerusi sebelumnya Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki dan pengerusi akan datang, Presiden Nigeria, Obasanjo Olesegun.

Keputusan

Ketiga-tiganya telah mengadakan pertemuan di London pada Selasa dan memutuskan Zimbabwe patut digantung daripada menganggotai Komanwel melalui keputusan troika.

Abdullah seterusnya berkata, Malaysia akan terikat dengan apa juga keputusan yang dibuat oleh badan itu yang telah diberi mandat untuk mengesahkan laporan para pemerhati pilihan raya presiden pada CHOGM yang lalu.

"Kita terikat dengan pandangan troika yang telah pun diberi mandat untuk meninjau dan mengkaji laporan kumpulan pemantau pilihan raya," katanya.